e-ISSN: 2600-9617

Available online at
https://journal.uitm.edu.my/ojs/index.php/e-JITU/index

E-Journal of Islamic Thought & Understanding 9(2) 2026, 186-200

E-Journal of Islamic Thought & Understanding (E-JITU)

The Role and Challenges of Estate Management in Baitulmal Negeri Sembilan Islamic Religious Council

Peranan dan Cabaran Pengurusan Harta Pusaka di Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Sembilan

Nor Azlina Abd Wahab[1*], Mohd Zamro Muda[2], Norafifah Ab Hamid [3], Khairul Azhar Meerangani[4], Siti Nurul Izza Hashim[,5]

[1,3,4,5]Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, 78000, Melaka, Malaysia.
azlina406@uitm.edu.my (Corresponding Author)

[2]Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Selangor, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:
Received 2026-07-10
Revised 2026-08-19
Accepted 2026-09-27
Published 2026-10-19

ABSTRACT

Inheritance (*harta pusaka*) constitutes one of the sources of *baitulmal* funds as stipulated by the law of *faraiḍ*. According to the Syāfi'ī school of thought (*mazhab*), if an estate has no heirs or if there is a residue after the shares are distributed to the rightful heirs, the property must be surrendered to the *baitulmal* for management. Nevertheless, the *baitulmal* faces various issues and challenges in managing these estates. Hence, this study aims to discuss the role of the Baitulmal of the Islamic Religious Council of Negeri Sembilan (MAINS) and to identify the

*Corresponding author. *E-mail address* : azlina406@uitm.edu.my

https://doi.org/10.24191/3rqbyc11

©Authors, 2026

Keywords:
Keyword1 Baitulmal
Keyword2 Mazhab Syāfi'ī,
Keyword3 Pengurusan Harta
Keyword4 Masalahah
Keyword5 Faraid
Keyword6

DOI:

https://doi.org/10.24191/3rqbyc11

challenges encountered in managing inheritance. This study employs a qualitative approach through content analysis and interviews conducted with MAINS officers directly involved in inheritance management. The obtained data were analysed descriptively and inductively to achieve the research objectives. The findings indicate that the current role of the *baitulmal* in Malaysia differs from its implementation during Islamic historical eras. Furthermore, the identified challenges in the management of inheritance by the *baitulmal* must be addressed to preserve the *maslahah* (public interest) and welfare of the Muslim community.

ABSTRAK

Harta pusaka merupakan salah satu sumber dana baitulmal yang telah ditetapkan mengikut hukum faraiḍ. Berdasarkan mazhab Syāfi'ī, sekiranya sesuatu harta pusaka tidak mempunyai waris atau terdapat baki harta setelah diserahkan kepada waris yang berhak, maka harta tersebut perlu diserahkan kepada baitulmal untuk diuruskan. Walau bagaimanapun, pihak baitulmal berdepan dengan pelbagai isu dan cabaran dalam menguruskan harta-harta tersebut. Justeru, kajian ini bertujuan untuk membincangkan peranan Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dan mengenal pasti cabaran yang dihadapi dalam mengurus harta pusaka. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis kandungan dan temu bual bersama pegawai Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) yang terlibat secara langsung dalam pengurusan harta pusaka. Data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif dan induktif bagi mencapai objektif kajian. Hasil kajian mendapati bahawa peranan baitulmal di Malaysia pada masa kini berbeza berbanding pelaksanaannya semasa zaman sejarah Islam. Selain itu, cabaran yang dikenal pasti dalam pengurusan harta pusaka oleh baitulmal perlu diatasi demi memelihara maslahah serta kebajikan umat Islam.

1. PENDAHULUAN

Baitulmal merupakan sebuah institusi kehartaan Islam yang telah wujud pada zaman awal Islam dan sebuah entiti perundangan yang mengurus harta *fay'*, zakat, harta-harta awam dan yang seumpamanya. Peranannya adalah sebagai institusi yang mentadbir dan mengurus harta umat Islam bagi memenuhi keperluan umat Islam atau dibelanjakan selaras dengan tuntutan nas syarak mahupun berasaskan ijtihad (Luqman Abdullah et al., 2022). Secara umumnya amalan di Malaysia, pengurusan dan peranan baitulmal tidak sama sebagaimana yang berlaku dalam sejarah Islam. Skop dan peranannya telah disempitkan dan hanya dianggap sebagai satu kumpulan Harta Amanah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), selepas ini disebut (MAIN) (Wan Asma' Wan Abu Bakar, 2008). Malah penggunaan harta serta sumber dan peranannya juga terhad. Di Malaysia pengurusan baitulmal berada di bawah MAIN, bahkan sesetengah majlis telah menamakan baitulmal sebagai 'Bahagian Kewangan' yang menguruskan harta majlis (Nor Azureen Ramli et al., 2014). Pelaksanaan ini selaras dengan kehendak Perlembagaan Malaysia Jadual Kesembilan Perlembagaan yang telah meletakkan struktur baitulmal berada di bawah kuasa perundangan negeri dan disenaraikan sebagai hak kerajaan negeri, termasuk hak menentukan hukum agama yang berkaitan dengan harta zakat, wakaf, baitulmal dan yang berkaitan dengan hal ehwal agama (Ridwan Abd. Rahman, 2011).

Sehubungan itu, berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan Malaysia semua perkara yang berkaitan dengan agama Islam dan adat istiadat orang Melayu menjadi tanggungjawab sultan sesebuah negeri yang mempunyai undang-undang pentadbiran hukum syarak sendiri dan beroperasi dengan cara yang berbeza

 ©Authors, 2026

(Razali Daud, 2005; Roslim Mohamad, 2005). Hal ini bermakna segala aktiviti institusi baitulmal seperti mengumpul hasil dan membelanjakan dana adalah tertakluk kepada kuasa sultan negeri-negeri di Malaysia. Malah, baitulmal bukan lagi berfungsi sebagai sebuah perbendaharaan negara akan tetapi hanya menjadi sebuah jabatan kecil di bawah MAIN yang berperanan untuk menguruskan sumber kewangan hasil daripada harta lebihan pusaka, harta pusaka yang tidak berwaris, harta wakaf, nazar, barang jumpaan dan beberapa sumber lain (Abdullah Alwi Hassan, 2003). Sehubungan itu, kuasa untuk menggubal undang-undang oleh Badan Perundangan Negeri mengenai perkara-perkara sebagaimana yang dinyatakan dalam Senarai 2(1), Senarai Negeri, Jadual Kesembilan termasuk baitulmal telah dimaktubkan dalam Perkara 74(3), Perlembagaan Persekutuan Malaysia (Md Yazid Ahmad & Syamsul Rusydi Somad Abdul Bashit, 2020).

Justeru itu, berdasarkan peruntukan tersebut, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri masing-masing telah digubal yang memperuntukkan mengenai penubuhan dan peranan baitulmal, sebagaimana di Negeri Sembilan peruntukan yang terdapat dalam seksyen 81(1) dan (2), Bahagian VI - Peruntukan Kewangan, Baitulmal dan Tatacara Kewangan Majlis. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan), Enakmen No. 10, Tahun 2003. Justeru itu, selaras dengan fungsi dan peranannya maka sumber-sumber harta Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Sembilah (MAINS), selepas ini disebut MAINS adalah pelbagai yang meliputi harta *luqatah*, wang tidak patuh syariah, wang orang berhutang, *kaffarah, fidyah* dan juga harta pusaka yang tak berwaris atau yang tidak dihabisi oleh waris. Maka, jelas disini bahawa harta pusaka merupakan salah satu sumber baitulmal yang telah ditetapkan mengikut hukum faraid di mana baitulmal merupakan tempat serahan terakhir sekiranya sesuatu harta pusaka itu tiada waris atau terdapat baki harta setelah diberikan kepada waris-waris yang berhak menurut hukum syarak. Sehubungan itu juga, salah satu bidang kuasa Baitulmal MAINS adalah menguruskan lebihan harta pusaka. Hal ini kerana, baitulmal di Malaysia merupakan pihak yang berhak menerima harta pusaka bagi si mati yang tidak ada waris atau terdapat lebihan setelah diberikan kepada waris yang berhak dengan mengambil kira pandangan mazhab Syāfi'ī. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk membincangkan peranan Baitulmal MAINS dalam mengurus harta pusaka orang Islam yang diperolehi melalui pembahagian faraid serta cabaran-cabaran yang dihadapi dalam mengurus harta-harta ini.

2. METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini berbentuk kualitatif. Bagi tujuan pengumpulan data mengenai konsep, pelaksanaan dan peranan baitulmal. Kajian ini menggunakan kaedah anlisis dokumen dan kaedah temu bual separa berstruktur. Kaedah analisis dokumen digunakan adalah untuk mengumpul data dari bahan-bahan bertulis sama ada sumber primer atau sekunder yang diambil daripada buku, tesis, artikel jurnal dan laman sesawang. Sumber daripada kitab turath juga turut digunakan.

Selain itu, temu bual separa berstruktur bersama seorang pegawai yang berkhidmat di Baitulmal MAINS turut dijalankan untuk mendapatkan maklumat terperinci mengenai pelaksanaan pengurusan harta pusaka di Baitulmal MAINS dan cabaran-cabaran yang dihadapi. Informan yang dipilih adalah berdasarkan kepada teknik persampelan bertujuan yang mempunyai pengalaman dan terlibat secara langsung dalam pengurusan harta pusaka baitulmal. Semua perbualan telah dirakam dengan menggunakan perakam suara bagi dijadikan transkripsi supaya dapat dianalisis. Seterusnya hasil dari data temu bual yang diperolehi telah melalui proses pengesahan data dan hasil kajian yang diperolehi dianalisis secara deskriptif dan induktif.

https://doi.org/10.24191/3rqbyc11 ©Authors, 2026

3. SOROTAN LITERATUR

Secara umumnya, baitulmal merupakan institusi penting dalam sesebuah negara dan berperanan sebagai badan amanah terhadap harta orang Islam dan bukan Islam dalam bentuk pengurusan am seperti harta pusaka tanpa waris atau waris bukan Islam, malah kaedah pengurusan harta-harta ini bergantung kepada kebijaksanaan pemerintah. Sehubungan itu, bagi membincangkan bahagian ini penulis telah membahagikan kepada tiga sub tema iaitu, pengurusan harta pusaka, konsep asas baitulmal dan pelaksanaannya di Malaysia dan latar belakang MAINS.

3.1 Pengurusan Harta Pusaka

Pengurusan harta pusaka di Malaysia merupakan isu yang sering kali mencetuskan polemik dalam aspek perundangan, ekonomi serta sosial. Pentadbiran harta pusaka merangkumi satu proses yang merentasi berbagai peringkat dan melalui pelbagai prosedur. Malah, di setiap peringkat, terdapat pelbagai isu tertentu. Di Malaysia, terdapat pelbagai institusi yang terlibat dalam pengurusan dan pentadbiran harta pusaka serta berbagai undang-undang bertulis yang berlainan prosedur sehingga menimbulkan kekeliruan dikalangan masyarakat yang bukan sahaja timbul semasa proses pembahagian dan pentadbiran harta pusaka, malah turut berlaku selepas pembahagian (Resali Muda, 2016). Suhaimi Ab Rahman et al. (2018) menjelaskan bahawa bidang kuasa pengurusan dan pentadbiran harta pusaka orang Islam di Malaysia terbahagi kepada tiga agensi utama, iaitu Mahkamah Tinggi, Seksyen Pembahagian Pusaka Kecil di bawah Kementerian Tanah dan Sumber Asli, serta Amanah Raya Berhad. Pembahagian bidang kuasa ini berdasarkan peruntukan Akta Probet dan Pentadbiran 1959 [Akta 97], Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98] dan Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 [Akta 532]. Sementara itu, peranan Mahkamah Syariah hanya tertumpu kepada pengeluaran sijil faraid dan penyelesaian isu-isu sampingan yang berkaitan pentadbiran harta, seperti pengesahan status perkahwinan, penentuan ahli waris serta hak-hak ahli waris. Pengurusan isu-isu sampingan ini berpotensi mencetuskan kelewatan prosiding dan menjejaskan keadilan dalam pengagihan harta.

Selain itu, masyarakat juga didapati masih kurang memahami mengenai konsep pentadbiran harta pusaka di Malaysia menyebabkan berlakunya penangguhan pembahagian harta pusaka sehingga bertahun-tahun. Malah, didapati masih ramai ahli waris yang tidak menuntut harta pusaka selepas kematian ahli keluarga yang menyebabkan harta pusaka menjadi beku kesan daripada kekeliruan masyarakat mengenai bidang kuasa dan peranan bagi setiap agensi di Malaysia. (Nur Fadlin Roslan & Azlin Alisa Ahmad, 2022). Menurut Nik Rahim Nik Wajis et al. (2018) kelewatan dalam pengurusan aset pusaka orang Islam juga merupakan faktor menyumbang kepada peningkatan jumlah harta pusaka yang tidak dituntut, khususnya bagi aset pusaka tak alih. Oleh yang demikian, masalah ini perlu diberi perhatian yang lebih serius meskipun banyak cadangan penyelesaian yang telah diketengahkan oleh pelbagai pihak.

Begitu juga dengan pengurusan harta pusaka oleh baitulmal. Menurut Faziera shafie et al. (2024) terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ), seperti maklumat kematian yang tidak bersepadu sehingga menyebabkan proses mengenalpasti waris memakan masa dan memerlukan proses siasatan yang teliti dan berpanjangan. Abdul Rahman Musliman et al. (2024) turut menambah bahawa masalah pemilikan tanah bersama waris turut menjadi penyumbang kepada baitulmal Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) dalam menguruskan harta pusaka yang

https://doi.org/10.24191/3rqbyc11 ©Authors, 2026

dimiliki. Hal ini kerana, baitulmal tidak boleh sewenang-wenangnya melakukan pembangunan ke atas tanah tersebut sekiranya tidak mendapat keizinan oleh pemilik sah yang lain.

3.2 Konsep Asas Baitulmal dan Pelaksanaannya di Malaysia

Penubuhan baitulmal merupakan sebuah konsep amanah dalam kewangan awam Islam. Segala harta yang terdapat di dalamnya hendaklah dianggap dan diperlakukan sebagai harta Allah S.W.T atau harta umat Islam dan bukannya sebagai harta sesebuah kerajaan atau hak milik seseorang penguasa kerajaan. Hal ini bermakna setiap wang atau harta yang dibayar kepada baitulmal adalah harta amanah Allah S.W.T dan dimiliki bersama oleh umat Islam dan pemerintah hanya bertindak sebagai pemegang amanah yang mempunyai tanggungjawab membelanjakannya untuk kebajikan bersama umat Islam (al-Sarakshi, t.th.). Selain itu, baitulmal merupakan sebuah institusi penting yang berperanan untuk menjaga dan menguruskan ekonomi sebuah negara Islam. Bahkan, baitulmal juga dikenali sebagai tempat untuk menyimpan dan mengurus pelbagai jenis harta yang menjadi pendapatan negara.

Secara umumnya, perkataan baitulmal berasal dari bahasa Arab yang terdiri daripada dua patah perkataan iaitu *al-Bait* dan *al-Māl*. *Al-Bait* bermaksud "rumah" manakala *al-Māl* bermaksud "harta". Apabila dua perkataan ini digabungkan ia membawa maksud "rumah harta. Secara zahirnya, ia merujuk kepada rumah yang menerima harta dan menyimpannya untuk diagihkan kepada individu yang berhak menerimanya (Ibn Manzur, 1990). Pengertian baitulmal menurut Abdul Qadim Zallum (1988) ialah sebuah institusi atau pihak yang mempunyai tugas khusus untuk menguruskan harta umat Islam, sama ada dalam bentuk pendapatan atau perbelanjaan negara. Manakala dalam kitab *al-Aḥkam al-Sultaniyyah*, Imam al-Māwardī menjelaskan bahawa baitulmal bukan sekadar sebuah tempat, tetapi sebuah institusi yang bertujuan untuk memelihara dan menguruskan harta orang Islam yang tiada pemilik atau bukan pemilikan peribadi, serta digunakan untuk keperluan masyarakat Islam. Dengan ini, harta yang disalurkan demi kepentingan umat Islam akan diletakkan di bawah pengurusan baitulmal (Al-Mawardi, 2006). Justeru itu, dapat difahami bahawa baitulmal tidak memerlukan kewujudan fizikal seperti bangunan atau pejabat. Sekalipun tidak terdapat struktur tadbir urus yang lengkap sebagaimana yang berlaku pada zaman para sahabat. Akan tetapi baitulmal yang wujud pada zaman Rasulullah s.a.w. tetap berjaya mencapai matlamat dalam mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan kemakmuran ekonomi ummah (Mughal, 2012).

Penubuhan baitulmal secara lebih sistematik dilihat berlaku pada zaman pemerintahan Khalifah ᶜUmar al-Khaṭṭāb. Menurut Seyed Kazim Sadr (2016) pada ketika itu, Islam telah berkembang dengan pesat dan berlaku penaklukan serta perluasan wilayah, menyebabkan berlakunya pertambahan harta yang diperolehi dengan begitu mendadak sehingga ia tidak dapat diagihkan secara serta-merta. Oleh itu, bagi memantapkan lagi pengurusan dan pentadbiran negara Islam Khālid al-Walīd telah mencadangkan kepada Khalifah ᶜUmar al-Khaṭṭāb agar menubuhkan satu institusi kewangan negara yang bertanggungjawab menguruskan segala harta negara Islam (Al-Mawardi, 2006). Pada masa tersebut, institusi ini dikenali sebagai *dīwan* dan khazanah yang kemudiannya dikenali sebagai baitulmal. Selepas itu, institusi baitulmal berkembang luas sehingga setiap wilayah kerajaan Islam mempunyai baitulmal yang tersendiri. Baitulmal pusat adalah terletak di Madinah. Sejak itu baitulmal berfungsi sebagai sebuah institusi yang menguruskan harta negara Islam serta membelanjakannya untuk kepentingan masyarakat dan negara selaras dengan syarak, akidah dan akhlak sejak zaman pemerintahan Khalifah ᶜUmar al-Khaṭṭāb sehingga akhir zaman pemerintahan Khalifah ᶜAlī (Musatafa Daud, 1996). Semasa pemerintahan Khalifah ᶜUmar al-Khaṭṭāb, terdapat pelbagai sumber baitulmal antaranya seperti zakat, khumus, zakat logam atau harta penemuan dalam tanah iaitu

https://doi.org/10.24191/3rqbyc11 ©Authors, 2026

rikāz, pendapatan daripada pajakan tanah dan seumpamanya serta harta peninggalan si mati yang tidak mempunyai ahli waris atau yang hanya meninggalkan suami atau isteri sahaja termasuk juga harta benda keciciran atau hilang yang tidak diketahui pemiliknya (Zamzuri Mohd Salleh, 2005). Namun begitu, fungsi dan peranan baitulmal pada hari ini tidak sama sebagaimana zaman Rasulullah s.a.w dan khulafa' al-Rasyidin. Hal ini kerana, baitulmal di Malaysia ketika ini berada di bawah struktur kuasa perundangan negeri menurut Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan dan telah disenaraikan sebagai hak kerajaan negeri termasuk hak penentuan hukum agama yang berkaitan dengan harta seperti zakat, wakaf, baitulmal dan yang berkaitan dengan hal ehwal agama (Mohd Ali Mohd Yusof, Hishamuddin Salim & Fauzi Yusoh, 2022).

3.3 Latar Belakang Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS)

Pengurusan harta pusaka yang terletak hak kepada Baitulmal MAINS pada masa ini di kelola oleh Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan di bawah Bahagian Mal, Jabatan Wakaf. Hal ini kerana MAINS telah melaksanakan penstrukturan semula unit-unit di bawahnya dan Baitulmal MAINS telah distruktur semula dengan mewujudkan Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan.

Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan (PBNS) telah ditubuhkan pada tahun 2018. Hal ini menyebabkan sebahagian besar unit-unit di bawah MAINS yang sebelum ini beroperasi secara berasingan diletakkan di bawah Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan (PBNS). Antara jabatan-jabatan penting dibawah Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan (PBNS) adalah Jabatan Pentadbiran, Jabatan Kewangan, Jabatan Pemasaran, Jabatan Dakwah, Jabatan Wakaf, Jabatan Pelaburan dan Jabatan Penyelidikan (Anwar Muttaqin et al., 2020). Penubuhan Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan (PBNS) merupakan satu inisiatif untuk meningkat dan mengoptimumkan peranan baitulmal secara lebih komprehensif bagi memperkasakan kedudukan sosioekonomi umat Islam di Negeri Sembilan (Misbah Hanim et al., 2020). Melalui penubuhan ini juga akan memberikan imej yang lebih baik kepada baitulmal sekali gus meningkatkan kredibiliti MAINS sebagai majlis agama yang diiktiraf terbaik dalam pengurusan hal ehwal Islam dan kewangannya.

Bagi memastikan urus tadbir berjalan dengan lebih cekap, Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan (PBNS) diberi fokus kepada bidang operasi manakala MAINS hanya fokus kepada dasar. Sebelum penstrukturan semula ini, baitulmal hanya satu unit kecil yang berada di bawah MAINS. Justeru, kebolehannya dalam mendepani tanggungjawab perbendaharaan (treasury) yang besar adalah terhad, terutama dari segi keperluan sumber kewangan dan modal insan bagi membangunkan sosio-ekonomi Ummah. Penstrukturan semula pentadbiran agama Islam di Negeri Sembilan khususnya penubuhan Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan (PBNS) telah mendatangkan kesan yang positif dalam pengurusan baitulmal (Misbah Hanim et al., 2020). Oleh yang demikian, pengurusan harta pusaka yang terhak kepada MAINS diuruskan oleh Bahagian Mal. Pengurusan dan pentadbiran Bahagian Mal berada di bawah Jabatan Wakaf MAINS. Bahagian Mal juga, merupakan salah satu daripada 10 bahagian yang bertanggungjawab bagi membantu menguruskan semua harta orang-orang Islam di Negeri Sembilan. Bagi memastikan operasi pengurusan berjalan dengan baik, dua unit telah ditubuhkan iaitu Unit Mal dan Unit Agihan Wakaf dan Mal. Pada masa ini, Bahagian Mal diuruskan oleh tujuh orang yang merangkumi keseluruah unit yang berada di Bahagian Mal (Informan).

https://doi.org/10.24191/3rqbyc11 ©Authors, 2026

Secara asasnya bidang kuasa yang memberikan hak kepada MAINS untuk menguruskan harta pusaka adalah berdasarkan Enakmen No. 10, Tahun 2003. Bahagian II – Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, Seksyen 5 (4) telah memperuntukkan:

> *Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk bertindak sebagai Wasi sesuatu wasiat atau sebagai pentadbir harta pusaka seseorang si mati atau sebagai Pemegang kepada mana-mana amanah.*

Begitu juga dari sudut hukum syarak, sebagaimana yang telah dinukilkan oleh Imam al-Nawāwī di dalam kitab Rauḍah al-Ṭalibīn, jilid 5:

> Sekiranya si mati tidak meninggalkan waris fardu, dan tidak meninggalkan waris *ᶜaṣabah*, maka hendaklah diwarisi oleh *dhawī al-arḥām*. Pada pandangan kami, sesungguhnya pendapat yang sahih *dhawī al-arḥām* itu tidak mewarisi dan tidak juga dipulangkan lebihan harta, iaitu dalam keadaan bilamana urusan baitulmal ditadbir dengan baik dengan diperintah oleh pemimpin yang adil.

Sejajar dengan itu, dapat dilihat bahawa fungsi Bahagian Mal, Jabatan Wakaf MAINS di dalam Perkhidmatan Mal adalah melibatkan pengurusan harta orang Islam khususnya di Negeri Sembilan yang merangkumi perkara seperti pengurusan hibah, pengurusan wasiat, runding cara faraid, penyerahan dan penyaluran wang tidak patuh syariah, penyerahan dan tuntutan harta luqatah, penyerahan wang sedekah (Infaq Waris KITO) dan penyerahan dan tuntutan wang orang berhutang.

Selain itu, Bahagian Mal juga turut berperanan dalam pengurusan harta orang Islam yang meliputi perkara berikut, iaitu memperkasakan perkhidmatan mal dan agihan wakaf dan mal secara optimum kepada masyarakat di Negeri Sembilan, meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat akan kepentingan pengurusan harta mal melalui kerjasama antara dengan agensi kerajaan dan swasta bagi memperluaskan lagi kefahaman mal kepada masyarakat, memastikan pendapatan melalui perkhidmatan mal diuruskan dengan lebih sistematik dan teratur, serta menyelaras dan memastikan pembangunan mal serta pengurusan tanah baitulmal diuruskan secara terancang dan optimum.

4. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Peranan Bahagian Mal Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dalam Mengurus Harta Pusaka

Institusi baitulmal di Malaysia merupakan sebuah badan yang berperanan sebagai pemegang amanah ke atas harta umat Islam, seperti harta luqatah, harta yang berisiko hilang dan tidak diketahui pemiliknya, harta simpanan yang pemiliknya sukar ditemui dan juga harta pusaka yang tak berwaris atau yang tidak dihabisi oleh waris. Tujuan utama harta-harta ini diserahkan kepada baitulmal supaya dapat diurus dan disalurkan kembali sebagai manfaat kepada umat Islam di Malaysia, di samping dapat menambah hasil pendapatan baitulmal. Menurut Fazira Shafie, Wan Zahari Wan Yusoff & Mustaphahayuddin Abdul Karim (2024) terdapat tiga situasi harta pusaka akan terhak kepada baitulmal, iaitu harta pusaka yang tidak mempunyai waris, harta pusaka si mati mualaf dan harta pusaka yang ada waris tetapi terdapat lebihan setelah diberikan kepada waris yang berhak menurut hukum syarak. Rajah 1 di bawah penjelasan mengenai tiga situasi sesuatu harta pusaka akan diserahkan kepada baitulmal.

https://doi.org/10.24191/3rqbyc11 ©Authors, 2026

Situasi 1 Harta Tidak Mempunyai Waris	Situasi 2 Harta Pusaka Muallaf	Situasi 3 Harta Pusaka Masih Berbaki
• Si Mati tidak mempunyai waris langsung (Ibu dan Bapa Sudah Meninggal) • Tidak Berkahwin dan Sebatang Kara (tiada adik beradik)	• Waris yang ditinggalkan bukan beragama Islam	• Mempunyai waris, tetapi harta masih berbaki • Sebagai Contoh, Si mati tiada anak lelaki dan hanya mempunyai anak perempuan sahaja

Rajah 1: Tiga (3) Situasi Sesuatu Harta Pusaka Akan Diserahkan Kepada Baitulmal.

Sumber: Menurut Fazira Shafie, Wan Zahari Wan Yusoff & Mustaphahayuddin Abdul Karim (2024)

Selain itu, Hailani Mujir Tahir (2007) menjelaskan bahawa baitulmal mewarisi harta pusaka adalah bertindak sebagai badan amanah yang dapat memberi manfaat kepada maslahah umum. Dalam hal ini, baitulmal berfungsi sebagai entiti yang memelihara dan melaksana agihan harta mengikut prinsip syariah. Oleh itu, dilihat bahawa menyerahkan lebihan harta pusaka kepada baitulmal adalah wajar kerana manfaat akhirnya akan dipulangkan semula kepada umat Islam.

Malah, dengan berasaskan kepada kepentingan umum umat Islam ini juga Imam al-Syāfi‘ī telah meletakkan kepentingan baitulmal dalam mewarisi harta pusaka berbanding penyerahan semula kepada waris melalui konsep *al-radd* atau diwariskan kepada *dhawī al-arḥām* sebagaimana pandangan Mazhab Hanafī dan Hanbalī. Sehubungan itu, pegangan utama dalam urusan pembahagian harta pusaka di Malaysia adalah bersandarkan kepada pandangan Mazhab Syāfi‘ī berbanding mazhab-mazhab lain. Menurut Jasni Sulong (2008), pandangan mazhab Syāfi‘ī telah dijadikan sebagai sumber rujukan masyarakat serta mempengaruhi aliran fiqh termasuk urusan berkaitan undang-undang diri seperti pengurusan dan pembahagian harta pusaka.

Bahkan, pandangan Mazhab Syāfi‘ī juga dijadikan sebagai rujukan utama dalam Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam setiap negeri di Malaysia pada masa ini. Keutamaan merujuk kepada Mazhab Syāfi‘ī ini boleh dilihat dengan jelas sebagaimana yang telah diperuntukan di dalam Undang-undang Pentadbiran Agama Islam setiap negeri kecuali Negeri Perlis dan juga berdasarkan Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) Bil. 9/2001 bahawa ‘Pemakaian Pendapat Mazhab Fiqh untuk menerimapakai arahan berhubung pemakaian pendapat dari Mazhab-Mazhab Fiqh. Pengambilan pendapat Mazhab Mu’tabar hendaklah berpandukan kepada dasar yang telah ditetapkan oleh Raja Pemerintah bagi negeri yang mengeluarkan “tauliah” kepada Hakim-Hakim Syarie (Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), 2001). Kecenderungan merujuk kepada pandangan Mazhab Syāfi‘ī ini juga boleh dilihat di dalam laporan kajian mengenai rujukan fatwa di Malaysia, oleh Ahmad Hidayat Buang (2002) bahawa terdapat sebanyak 13 daripada 14 buah kitab fiqh yang dirujuk adalah kitab fiqh Mazhab Syāfi‘ī (Jasni Sulong, 2008). Keutamaan merujuk kepada Mazhab Syāfi‘ī ini boleh dilihat dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan). Bahagian III - Pelantikan Mufti, Kuasa Dalam Hal Ehwal Agama, Jawatankuasa Fatwa Dan Fatwa Yang Berhubungan Dengan Perkara Yang Berkepentingan Nasional Undang-undang No. 10 Tahun 2003, Seksyen 54, Qaul Muktamad yang hendaklah diikuti adalah mengikut pandangan Mazhab Syāfi‘ī.

Sejajar dengan itu, Bahagian Mal MAINS menerima harta pusaka seseorang Islam itu melalui lima kaedah iaitu, Perintah Mahkamah Syariah (Sijil Faraid), Perintah Bicara Kuasa daripada Seksyen

https://doi.org/10.24191/3rqbyc11 ©Authors, 2026

Pembahagian Pusaka Kecil (SPPK), Surat Arahan dari JKPTG melalui waris, Perintah Pembahagian Pusaka daripada Amanah Raya Berhad (ARB) dan juga aduan atau laporan orang awam. Oleh yang demikian, Baitulmal MAINS mempunyai kuasa dan menjadi pemegang amanah dalam menguruskan harta pusaka yang menjadi milik baitulmal setelah mendapat bahagian melalui pembahagian faraid.

4.2 Cabaran Pengurusan Harta Pusaka oleh Bahagian Mal MAINS

Sebagai sebuah institusi yang bertanggungjawab menjadi pemegang amanah umat Islam dalam menjaga dan menguruskan harta pusaka, hasil kajian melalui temu bual mendapati terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh Bahagian Mal MAINS seperti kekurangan tenaga kerja atau kakitangan, hartanah yang kurang berpotensi, pemilikan bersama tanah pusaka yang berkongsi bahagian dengan waris, waris tidak berkemampuan untuk tebus tanah pusaka serta kefahaman waris dan masyarakat mengenai pewarisan baitulmal.

Kekurangan Tenaga Kerja atau Kakitangan

Secara umumnya, tenaga kerja atau kakitangan yang berkemahiran dan mencukupi merupakan satu keperluan kepada sesebuah organisasi bagi memastikan objektif dan matlamat yang digariskan dapat dicapai dengan baik dan sistematik. Walau bagaimanapun, Bahagian Mal MAINS berhadapan dengan cabaran dari segi kekuatan anggota atau kakitangan untuk menguruskan penerimaan lebihan harta pusaka. Menurut Informan (2023) di MAINS masalah yang berlaku adalah dari sudut kurang kakitangan yang hendak menguruskan. Hal ini kerana, kebanyakan kerja yang dilakukan memerlukan pegawai turun ke lapangan. Masalah berkaitan pengetahuan dan pemahaman akan berlaku sekiranya pegawai-pegawai di Bahagian Mal perlu turun ke lapangan bagi mengendalikan urusan siasatan, hadir perbicaraan, mesyuarat dan sebagainya, kerana kakitangan di jabatan atau bahagian lain terpaksa mengurus dan berhadapan dengan waris atau pelanggan yang datang.

Hartanah Kurang Berpotensi

Bahagian Mal MAINS menghadapi masalah untuk mengurus dan membangunkan tanah yang dimiliki kerana kurang bernilai, keluasan tanah yang sempit, kedudukan tidak strategik dan berada jauh di pedalaman dan juga kurang berpotensi untuk dimajukan (Informan, 2023). Keadaan tanah ini merupakan punca kepada tanah pusaka baitulmal tidak dapat diurus sehingga berlaku pencerobohan dari waris dan pihak luar yang bertindak mengusahakan tanah milik baitulmal tanpa kebenaran dari pihak baitulmal. Hal ini turut selari dengan pandangan Aina Naseha Zamri (2017) yang menyatakan bahawa antara masalah pengurusan tanah baitulmal juga adalah melibatkan isu pencerobohan, pengurusan tanah hak milik baitulmal yang tidak teratur serta pembangunan yang lambat dan tidak produktif. Menurut Md Yazid Ahmad & Syamsul Rusydi Somad (2020) bahawa pihak Baitulmal MAINS mempunyai lambakan tanah yang sempit dari segi keluasannya. Bahkan, tanah yang sempit sebegini malangnya tidak dapat dibangunkan kerana tidak berpotensi serta tidak mendatangkan hasil kepada baitulmal.

Pemilikan BersamaTanah Pusaka

Antara cabaran lain yang dihadapi ialah masalah pemilikan bersama. Hal ini kerana terdapat tanah-tanah baitulmal yang diperolehi melalui pembahagian faraid berkongsi bahagian bersama waris atau pihak lain, tanah yang sempit dan kurang berpotensi untuk dibangunkan. Kesan daripada pemilikan bersama ini menyebabkan pihak Bahagian Mal MAINS menghadapi masalah untuk membangunkan tanah pusaka milik

https://doi.org/10.24191/3rqbyc11 ©Authors, 2026

mereka. Hal ini kerana kebanyakan tanah-tanah yang dimiliki merupakan tanah pusaka yang berkongsi bahagian bersama waris menyebabkan Bahagian Mal sukar untuk menguruskannya (Informan, 2023). Sehubungan itu, dilihat bahawa pemilikan bersama ini telah menyebabkan kuasa yang ada pada baitulmal untuk mengurus dan membangunkan tanah tersebut terhad, kerana terpaksa mendapatkan persetujuan daripada waris-waris lain terlebih dahulu. Mohd Marbawi Taha, Jasni Sulong & Mohd Nasir Ayub (2015) berpendapat bahawa situasi ini akan mendorong kepada beberapa implikasi terhadap tanah dan pembangunan tempatan, hasil tanah dan hubungan sosial. Bahkan, pemilikan bersama ini juga juga akan menyumbang kepada tanah terbiar kerana sikap pemilik bersama dan keterbatasan dalam menggunakan tanah yang berkemungkinan juga terdapat pemilik bersama menolak untuk mengusahakan tanah tersebut.

Waris Tidak Berkemampuan Untuk Tebus

Bagi mengatasi masalah pemilikan bersama dan tanah yang kurang berpotensi untuk dimajukan, maka pihak Bahagian Mal MAINS membenarkan pihak waris untuk menebus harta pusaka milik mereka. Konsep tebus ini menyamai konsep *takhārūj* iaitu pelepasan hak dengan balasan. Penebusan ini dibuat berdasarkan nilaian semasa melalui permohonan kepada baitulmal. Pemilihan kaedah alternatif *takhārūj* ini boleh mengelak berlakunya hak milik bersama dan pada masa yang sama memudahkan proses perbicaraan oleh Unit Pusaka Kecil. Malah, perintah pembahagian dapat dikeluarkan kepada waris tertentu dalam bentuk tanpa berkongsi milik serta pemecahan harta pusaka kepada lot-lot kecil yang kurang memberi nilai dan manfaat dapat dihindarkan. Walau bagaimanapun, kemampuan waris untuk menebus harta pusaka yang terhak kepada baitulmal juga merupakan antara cabaran yang dihadapi. Hal ini kerana, kebanyakan waris adalah dari golongan susah dan kurang berkemampuan kerana nilai hartanah yang terlalu tinggi (Informan, 2023). Perkara sama turut dijelaskan oleh Md Yazid Ahmad & Syamsul Rusydi Somad (2020) bahawa kebanyakan pihak waris tidak mampu untuk melangsaikan pembayaran dalam menebus harta pusaka.

Kefahaman Waris dan Masyarakat


Selain itu, cabaran berkaitan pemahaman waris dan masyarakat setempat yang kurang memahami mengenai konsep pembahagian harta pusaka secara faraid, terutamanya yang melibatkan hak baitulmal terhadap harta pusaka dan pengurusan harta pusaka baitulmal. Hal ini kerana Bahagian Mal MAINS, masih berhadapan dengan isu berkaitan dengan masalah pemahaman masyarakat. Malah, disebabkan masalah kefahaman mengenai hukum faraiḍ ini juga terdapat di kalangan waris yang mempertikaikan hak baitulmal dalam menerima harta pusaka serta tidak dapat menerima hakikat tersebut. Situasi ini menunjukkan bahawa penyampaian ilmu berkaitan pengurusan dan pembahagian harta pusaka menurut hukum faraiḍ perlu diperluaskan lagi kepada masyarakat kerana mereka masih dahagakan ilmu dan mencari penyelesaian kepada masalah mereka. Tambahan lagi, Menurut Md Yazid Ahmad & Syamsul Rusydi Somad (2020) masalah sikap masyarakat juga mempengaruhi pengurusan harta pusaka tak alih di Negeri Sembilan sehingga berlaku pelbagai masalah. Terdapat sesetengah waris mempertikaikan hak baitulmal ke atas harta mereka sehingga mengakibatkan kesukaran untuk membangunkannya.

Waris Bukan Islam

Bahagian Mal MAINS juga turut berhadapan dengan tuntutan dan pertikaian dalam kalangan ahli keluarga bukan Islam terhadap pewarisan baitulmal ke atas harta pusaka si mati mualaf. Hal ini kerana, mereka merasakan berhak ke atas harta pusaka yang ditinggalkan oleh si mati mualaf yang telah diserahkan kepada Bahagian Mal. Perkara ini turut dinyatakan oleh Sofiyyah Muhaimin, Md Yazid Ahmad & Anwar Fakhri

https://doi.org/10.24191/3rqbyc11 ©Authors, 2026

(2022) bahawa telah berlaku salah faham dan pertikaian dalam kalangan ahli keluarga bukan Islam yang mempunyai keperluan tertentu sehingga mereka membuat tuntutan harta pusaka tersebut melalui ARB atau membuat permohonan terus kepada baitulmal. Hal ini kerana, terdapat waris bukan Islam yang merasa tidak berpuas hati kerana sebagai waris mereka merasakan berhak ke atas harta pusaka yang ditinggalkan oleh si mati mualaf. Malah, Noor Syahida et al., (2018) turut menjelaskan bahawa terdapat waris bukan Islam yang mempersoalkan hak baitulmal dalam menerima harta pusaka si mati mualaf ini di sebabkan masalah kefahaman mereka terhadap pewarisan harta pusaka secara Islam terutamanya yang melibatkan harta orang Islam dan bukan Islam. Bahkan, turut menyangka bahawa mereka berhak mewarisi harta pusaka si mati mualaf ini akibat daripada kejahilan berkaitan urusan agama Islam. Rajah 2 di bawah merupakan ringkasan cabaran yang dihadapi oleh Bahagian Mal MAINS dalam mengurus harta pusaka.



Rajah 2: Cabaran Pengurusan Harta Pusaka Bahagian Mal MAINS

5. KESIMPULAN

Institusi baitulmal di Malaysia pada masa kini berada di bawah kuasa MAIN. Selain itu amalan di Malaysia, baitulmal berhak menerima harta pusaka si mati yang tidak mempunyai waris, atau terdapat lebihan setelah diberikan kepada waris yang berhak dengan mengambil kira pandangan Mazhab Syāfīeī. Sehubungan itu, dalam mengurus harta-harta ini terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi dan perlu diatasi bagi melancarkan proses pengurusan harta pusaka di Bahagian Mal MAINS, seperti kekurangan tenaga kerja atau kakitangan, hartanah yang kurang berpotensi, pemilikan bersama tanah pusaka, waris yang tidak berkemampuan untuk menebus harta pusaka yang terhak kepada baitulmal, sikap waris dan masyarakat Islam yang kurang memahami tentang ilmu farāiḍ dan cabaran berkaitan waris bukan Islam.

Sejajar dengan itu, pengurusan dan penguasaan ke atas harta adalah bertujuan untuk menunaikan tanggungjawab mengurus dan memanfaatkannya kepada kepentingan masyarakat dan agama. Oleh itu, walaupun pengurusan harta pusaka yang dilaksanakan oleh Bahagian Mal berdepan dengan pelbagai isu dan cabaran, akan tetapi pengurusannya perlu dilaksanakan dengan baik, bersistematik dan berhemah supaya dapat menjamin masahah umat Islam khususnya serta menyumbang kepada keadilan sosial dan keharmonian negara secara umumnya. Justeru itu, dalam usaha menjalankan tanggungjawab sebagai pengurus harta umat Islam, maka Bahagian Mal MAINS bertanggungjawab untuk memastikan setiap inci ruang tanah digunakan dengan cara yang paling produktif, mengelakkan berlakunya pertelingkahan,

https://doi.org/10.24191/3rqbyc11 ©Authors, 2026

penipuan dan spekulasi tanah yang berkemungkinan akan membawa kepada perpecahan dan pergaduhan yang berpanjangan, serta menyeragamkan pengurusan harta termasuk membayar cukai yang dikenakan (Wan Asma' Wan Abu Bakar, 2008).

6. PENYATAAN ETIKA

Kajian ini telah mendapat kebenaran daripada pihak fakulti dengan mengeluarkan surat permohonan kebenaran untuk menjalankan temu bual dengan pihak yang terlibat. Pihak yang terlibat juga telah bersetuju untuk ditemu bual oleh penulis.

7. PERNYATAAN KONFLIK KEPENTINGAN

Para penulis bersetuju bahawa kajian ini telah dijalankan tanpa sebarang kepentingan peribadi, komersial atau kewangan dan mengisytiharkan ketiadaan sebarang konflik kepentingan dengan pihak pembiaya.

8. SUMBANGAN PENULIS BERSAMA

Nor Azlina Abd Wahab telah menjalankan keseluruhan kajian ini merangkumi reka bentuk penyelidikan, pengumpulan dan analisis data, serta penulisan draf utama artikel.
Dr. Mohd Zamro Muda sebagai penyelia utama, telah memberi bimbingan akademik menyeluruh, menyemak draf artikel dan menyumbang kepada struktur penulisan serta penyempurnaan kandungan artikel.
Dr. Norafifah Ab Hamid telah memberi pandangan dalam aspek kerangka penulisan, perbincangan dan sorotan literatur.
Dr. Khairul Azhar Meerangani telah menyumbang kepada susunan idea dan sorotan literatur.
Siti Nurul Izza Hashim telah memberi sumbangan dari sudut semakan dan suntingan draf akhir artikel.

9. PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil tesis PhD. Penulis ingin merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pihak pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) kerana memberi kelulusan untuk menjalankan kajian ini. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada pentadbiran tertinggi Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), kerana memberi kebenaran untuk menjalankan penyelidikan di Bahagian Mal MAINS. Penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada informan yang banyak memberi maklumat dan idea sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

10. RUJUKAN

Ab Rahman, S., Md. Khalid, R., Abd Razak, A., & Jaafar, A. B. (2018). Pemerkasaan Mahkamah Syariah dalam pentadbiran harta pusaka masyarakat Islam menurut kerangka federalisme di Malaysia. *Akademika*, *88*(3).

Abdul Qadim Zallum. (1988). *Al-Amwal fi Al-Daulah Al-Khilafah* (Cetakan Ke). Dar al-'Ilmi lial-Malayin.

Abdul Rahman Musliman, Z. Z. and M. Y. A. (2024). Faktor Penyumbang Kepada Masalah Pengurusan Harta Pusaka Tak Alih di Bahagian Baitulmal ,Majlis Agama Islam Johor. *Jurnal Ulwan*, *9*(2), 98–114.

Abdullah Alwi Hassan. (2003). Konsep dan Peranan Baitulmal di Zaman Kegemilangan Islam. In *Ke Arah Pembangunan Baitulmal Kebangsaan* (pp. 1–37). Pusat Penerbitan Universiti.

Aina Naseha Zamri. (2017). *Pembangunan Rangka Kerja Profesional Pengurusan hatanah Wakaf PHTW di Malaysia*. Ubiversiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Al-Mawardi, A. al-H. A. bin M. al-B. (2006). *Al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Darul Hadith.

Anwar Muttaqin, Roziah Sidek, & Ezad Azraai Jamsari. (2020). The Relevance of Negeri Sembilan Baitulmal Corpration: An Anitial Riview. *International Journal of Advanced Reseach (IJAR)*, *8*(08), 784–791. https://doi.org/10.21474/IJAR01/11555

Buang, A. H. (2002). Analisis Fatwa-fatwa Semasa Syariah di Malaysia. *Jurnal Syariah*, *10*(1), 39–52.

Fazira Shafie, & Wan Zahari Wan Yusoff, Mustapahayuddin Abdul Khalim. (2024). Isu dan Permaslahan dalam Pengurusan dan Petadbiran Harta Pusaka Tidak Berwaris di Batulmal. In S. E. Yaacob, M. Z. Muda, & Amir Fazlim Jusoh @ Yusoff (Eds.), *Kekestarian Pengurusan Harta dan Transaksi Kewangan Islam di Malaysia* (Cetakan Pe, pp. 41–56). Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hailani Mujir Tahir. (2007). *Institusi Baitulmal dalam Pembangunan Negara* (Pertama). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ibn Manzur, J. al-D. M. M. ibn ‘Ali. (1990). *Lisan al-‘Arab*. Dar Sadir.

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). (2001). *Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) Bil. 9/2001*. www.esyariah.gov.my

Jasni Sulong. (2008). Kedudukan Mazhab Syafi’i Dalam Amalan Pembahagian Pusaka dan Wasiat Islam di Malaysia. *Jurnal Syariah*, *16*(1), 163–183.

Luqman Abdullah, Muhammad Ikhlas Rosele, & Raihanah Azhari. (2022). *Pengurusan Harta Menurut Hukum Islam*. Penerbit Universiti Malaya.

Md Yazid Ahmad, & Syamsul Rusydi Somad Abdul Bashit. (2020). Cabaran Pengurusan Harta Pusaka di Baitulmal: Satu Tinjauan Umum. In M. I. Ahmad, A. H. U. Nurhanisah Senin, & M. Y. M. Mohd Norzi Nasir Abdullah (Eds.), *Isu-Isu Kontemprari dalam Pengajian Islam II* (Cetakan Pe, pp. 1–175). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) 2020.

Misbah Hanim, Fuadah Johari, Mohammad Haji Alias, Muhammad Aunurrochim Mas’ad Saleh, & Mohd Nazri Mohd Noor. (2020). Aset Wakaf Tidak Produktif : Cadangan Penyelesaiannya Menggunakan Instrumen Tawriq dan Istibdal di Negeri Sembilan. *Islamic Banking, Accounting and Finance International Conference-Islamic The 9th IBAF 2020*, 90–93. https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/14877/1/Market Risk and Market Value of Listed Deposit Money Banks in Nigeria.pdf

Mohd Ali Mohd Yusof, Hishamuddin Salim, & Fauzi Yusoh. (2022). Kedudukan Baitulmal Sebagai Waris Asabah Menurut Syariat Islam dan Amalan di Negeri Terengganu. *Bitara International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, *5*(4), 58–70.

Mohd Marbawi Taha, Jasni Sulong, & Moh Nasir Ayub. (2015). Pemilikan Bersama Tanah Pusaka : Realiti, Masalah

 ©Authors, 2026

Dan Cabaran. *Esteem Academic Journal*, *Vol. 11*(No. 2), 47–59.

Mughal, M. A. (2012). Islamic Concept of Baytu'l-Mal. *Http://Ssrn.Com/Author=1697634*, 1–99. http://ssrn.com/author=1697634

Musatafa Daud. (1996). *Tamadun Islam*. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Nik Rahim Nik Wajis, M. M. S. & A. A. R. (2018). Harta Tidak Dituntut : Punca Dan Kaedah Penyelesaiannya. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, *7*(June), 129–142. https://doi.org/10.12816/0051395

Noor Syahida Abdul Rahman, Hasliza Talib, Nurhayati Abd. Ghan, Nur Zulfah Md Abdul Salam, & Nurul Syafini Abd Rahman. (2018). Pengurusan Tuntutan Harta Pusaka dalam Kalangan Masyarakat Islam: Kajian di Lembah Klang. *Journal of Muwafaqat*, *1*(2), 96–117.

Nor Azureen Ramli, Md. Rozalafri Johori, Nor 'Adha Abd hamid, Abdul Hadi Awang, Mohd Daly Daud, Nurkaliza Kalid, & Wawarah Saidpudin. (2014). Tren kutipan dan penerimaan harta Baitulmal: Kajian kes di Selangor. *Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference*, 1–9. https://www.academia.edu/9808967/Tren_Kutipan_Dan_Penerimaan_Harta_Baitulmal_Kajian_Kes_Di_Selangor

Nur Fadlin Roslan & Azlin Alisa Ahmad. (2022). Pentadbiran Harta Pusaka dan Implikasi Negatif Harta Tidak Dituntut. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, *7*(4), e001453. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i4.1453

Razali Daud. (2005). Baitulmal di Malaysia: Faktor-Faktor Penyumbang dan Penghalang. In Abdul Halim Ramli, Ahmad Che Yaakob (Ed.), *Islam Hadhari : Pengukuhan Institusi Baitulmal dan Wakaf di Malaysia* (pp. 15–24). Pusat Penerbitan Universiti (UPENA),UiTM Shah Alam.

Resali Muda. (2016). Harta pusaka Islam di Malaysia: Antara perundangan dan pentadbiran. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, *4*, 1–10.

Ridwan Abd. Rahman. (2011). *Konsep Asas Baitulmal Majlis Agama Islam Dan AdatIstiadat Melayu Kelantan*. http://www.e-maik.my/bi/index.php?option=com_docman& task=doc_download&gid= 506&Itemid=1151

Roslim Mohamad. (2005). Peranan Institusi Baitulmal di Malaysia Dalam Menaikkan Taraf Sosioekonomi Masyarakat Islam. In Abdul Halim Ramli & Ahmad Che Yaacob (Ed.), *Islam Hadhari : Pengukuhan Institusi Baitulmal dan Wakaf di Malaysia* (pp. 41–49). Pusat Penerbitan Universiti (UPENA),UiTM Shah Alam.

Seyed Kazim Sadr. (2016). *The Economic System of The Early Islamic Period (Institutions and Policies)* (D. Z. Hossein Askari (ed.); Illustrate). Springer.

Sofiyyah Muhaimin, Md Yazid Ahmad, & Anwar Fakhri Omar. (2022). Prakarsa Baitulmal dalam Menyantuni Tuntutan Harta Pusaka Mualaf oleh Waris Non Muslim Menerusi Pendekatan Siyāsah Shar'iyyah Baitulmal Initiatives in Dealing with Muallaf Inheritance Claims by Non-Muslim Heirs According to Siyasah Shari'iyyah. *Journal of Contemporary Islamic Law*, *7*(2), 66–72.

Wan Asma' Wan Abu Bakar. (2008). *Islam dan Pengurusan Hartanah*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA),UiTM Shah Alam.

 ©Authors, 2026

Zamzuri Mohd Salleh. (2005). Kecemerlangan Institusi baitulmal Pada Zaman Pertengahan Islam. In Ahmaf Che Yaacob & Abdul Halim Ramli. (Ed.), *Islam Hadhari : Pengukuhan Institusi Baitulmal dan Wakaf di Malaysia* (pp. 1–13). Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).



© 2026 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY-NC-ND) license (http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/).